



Dua Penyelidik UPM Menang 'YOUNG MALAYSIAN AWARDS'



Dari kanan Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin dan Prof. Madya Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman.

PETALING JAYA, 1 Nov – Dua penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, 40, dan Prof. Madya Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman, 36, memenangi anugerah 'Honouree of The Outstanding Young Malaysian 2008 Awards'.

Mereka berdua terpilih kerana sumbangan penyelidikan cemerlang kepada negara di bawah kategori Scientific and Technological Development yang dianjurkan oleh Junior Chamber International Malaysia di Sunway Convention Centre.

Dr. Taufiq yang membuat penyelidikan pemangkinan heterogen pengoksidaan selektif dalam industri petrokimia mengkaji bahan mentah dalam negara iaitu n-butana yang terdapat dalam industri petroleum negara.

"Ia sumber penting penghasilan alkena atau terbitannya selain daripada kegunaan klasik sebagai bahan pembakaran.

"Amat penting bagi negara mengeluarkan bahan akhir pengguna daripada menjual bahan mentah begitu sahaja (n-butana) kerana pada masa kini negara berusaha melangkah ke arah perindustrian," katanya.

Sementara itu, Dr. Basyaruddin yang membuat penyelidikan mengenai bio-katalis mengatakan bidang bioteknologi gelombang ketiga bakal memanfaatkan masyarakat dalam aspek kesihatan dan alam sekitar dengan mengurangkan kebergantungan penggunaan kepada sumber petroleum.

Beliau merupakan di antara pelopor di Malaysia dalam bidang teori kimia dan pengkomputeran yang membuktikan penggabungan elemen fizik, matematik dan kimia di dalam biologi.

Beliau turut aktif dalam aktiviti mempromosikan bioteknologi di peringkat sekolah ke seluruh negara.

Selain kategori Scientific and Technological Development, sembilan kategori lain yang dipertandingkan ialah 'Business, Economic or Entrepreneurial Accomplishment, Political, Legal and Government Affairs, Academic Leadership and Accomplishment, Cultural Achievement, Moral or Religious Leadership, Contribution to Children, World Peace or Human Rights, Humanitarian and Voluntary Service, Personal Improvement and Accomplishment dan Medical Innovation'.

Kedua-dua mereka membawa pulang trofi dan sijil yang disampaikan oleh Presiden Majlis Belia India Malaysia, A.Rajaretinam.

Junior Chamber International Malaysia (JCIM) yang bergabung dengan organisasi antarabangsa berperanan memupuk sikap kepimpinan dengan membuka penyertaan kepada rakyat Malaysia.

Oleh Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.